

27/05/2003

Penguat kuasa perlu latihan semula

KUALA LUMPUR: Pegawai dan anggota penguat kuasa undang-undang di negara ini perlu diberi latihan semula supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata latihan itu mestilah berteraskan kepada pendekatan yang sewajarnya kerana didapati masih ramai pegawai dan anggota penguat kuasa tidak memahami bidang tugas mereka.

Katanya, pihaknya juga menerima banyak rungutan serta aduan mengenai pegawai dan anggota penguat kuasa yang tidak melaksanakan tugas seperti digariskan undang-undang.

"Latihan secara am yang diberikan kepada pegawai dan anggota penguat kuasa tidak mencukupi, sebaliknya penekanan perlu diberi kepada sikap yang ditunjukkan mereka.

"Ini kerana ramai yang masih tidak tahu kesan yang boleh menimpa mereka jika tidak memahami undang-undang yang menjadi teras tugas mereka, berkemungkinan disebabkan agak lama tidak diberikan pendekatan baru," katanya selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan minum petang bersama penduduk Kampung Pandan, di sini, semalam.

Dr Rais berkata, setiap kakitangan penguatkuasaan perlu menjadikan pematuhan undang-undang sebagai budaya, selain melihat ia adalah tanggungjawab yang diamanahkan kerajaan dan wajar dilaksanakan mengikut garis panduan ditetapkan.

"Jika gagal melaksanakan tanggungjawab berlandaskan undang-undang yang ada, pegawai atau kakitangan yang terbabit boleh dikatakan tidak menjalankan tugas," katanya.

Beliau berkata, perkara itu boleh dianggap serius berikutan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiri satu mesyuarat bagi menerima maklum balas mengenai tahap penguatkuasaan agensi penguat kuasa di negara ini, minggu lalu.

"Menerusi mesyuarat itu juga diputuskan agensi berkenaan perlu memainkan peranan yang optimum mengikut lunas undang-undang yang memberi faedah kepada masyarakat.

"Apabila Perdana Menteri bising, barulah penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh dijalankan. Tetapi apabila Perdana Menteri pergi ke tajuk lain, penguatkuasaan akan mendapat begitu saja. Ini yang kita tidak mahu berlaku lagi," katanya.

Ketika ditanya sama ada tindakan memecat seseorang kakitangan adalah sebagai jalan penyelesaian untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa kerajaan menjalankan tugas dengan tegas, Dr Rais berkata pemecatan seseorang pegawai juga perlu berlandaskan undang-undang.

"Kita mesti ikut undang-undang jika hendak memecat pegawai yang melakukan penyelewengan.

"Seseorang pegawai yang didakwa, tidak boleh dilucutkan jawatannya sehingga mahkamah atau tribunal yang berkuat kuasa membuktikannya bersalah," katanya.